

BAB KEDUA : FALSAFAH PENDIDIKAN AL-GHAZALI.

2.1 Falsafah Pendidikan Islam

2.1.1 Definisi Falsafah

Menurut sejarah perkembangan bahasa perkataan falsafah berasal dari bahasa Yunani iaitu philo sophic. ‘*Philo*’ bererti ‘cinta’ atau ‘hargai’. Manakala ‘*sophic*’ bererti ‘hikmat’ atau ‘kebijakan’ atau ‘kebenaran’. Ahmad Mohd Salleh. (1997). Kombinasi kedua-dua perkataan tersebut maka disebutlah sebagai ‘cintakan kebenaran’. Justeru perkataan falsafah diertikan sebagai usaha mencari sesuatu kebenaran atau keyakinan yang berhubung dengan sesuatu perkara dengan menggunakan kekuatan akal fikiran.

Rentetan maksud di atas, falsafah sebenarnya adalah satu usaha berfikir secara rasional dan kritis tentang perkara-perkara penting menegangai pendidikan. Wan Mohd Nor Daud. Berfikir secara rasional bermaksud menggunakan akal bagi membuatkan pendapat yang tidak bercanggah dengan pemikiran yang betul atau munasabah. Dalam Islam seseorang harus menerima hakikat keterbatasan akal-rasional, iaitu menerima sumber yang mengatasi akal seperti wahyu dan ilham. Manakala berfikir secara kritis menurut Wan Mohd Nor pula ialah kepercayaan atau pegangan mengenai perkara-perkara penting haruslah berdasarkan ilmu, sama ada melalui pemkajian, pengalaman atau melalui individu yang berwibawa.

Perkataan falsafah dalam konteks pendidikan Islam ialah hikmat atau pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai asas atau yang tertinggi atau sesuatu matlamat yang dikehendaki dalam proses pendidikan. Halim El-Muhammady (1984).

Islam agama yang tidak memisahkan ibadat dengan kehidupan dunia. Falsafah agama Islam tidak memisahkan manusia dengan akal, emosi dan perbuatannya. Ini adalah gambaran kesempurnaan tauhid insan seperti mana yang dijelaskan dalam Ai-

Quran. Falsafah kehidupan di dalam Al-Quran adalah mendorong manusia untuk mempertingkatkan diri untuk meraih ilmu yang tinggi dan kehidupan yang ideal.

Islam tidak menolak proses perkembangan pendidikan yang bertujuan untuk meninggikan kemakmuran hidup insan, sebagaimana menurut Omar al-Syaibany (1971), masyarakat Islam harus mengambil hasil-hasil kajian dan penyelidikan berkaitan dengan falsafah, sifat-sifat, proses dan fungsi pendidikan selama mana yang sesuai dengan syariat Islam, seperti mana yang terdapat di dalam Al-Quran

فَاسْأَلُوهُمْ إِنَّمَا الْذِكْرَ إِذَا كُنْتُمْ
لَا تَعْلَمُونَ

(Tanyalah kepada mereka yang mengetahui sekiranya kamu tidak mengetahui).

2.1.2 Definisi Pendidikan.

Menurut kamus dewan (1993), perkataan pendidikan berasal dari kata dasar iaitu didik yang membawa erti pelihara, jaga dan ajar dengan hati-hati. Manakala menurut Kursyid Ahmad (1979), pendidikan (education) terbit dari perkataan latin 'e' ; 'ex' yang bermaksud 'keluar' dan perkataan 'decere duc' yang bermaksud memimpin. Menurut bahasa ia bermakna 'kumpulkan maklumat ke dalam ' dan ' keluarkan bakat '. Kursyid Ahmad menjelaskan lagi, pada hakikatnya istilah ini dikaitkan dengan konsep pemberian maklumat dan ilmu pengetahuan serta pemupukan bakat yang terpendam.

Bebagai istilah dalam bahasa Arab yang membawa erti pendidikan. Diantaranya merujuk kepada perkataan ta'dib (didik), sepertimana yang dilafazkan oleh Rasullullah s.a.w.dalam sebuah hadis, Ahmad Mohd Salleh (1997),

*"Allah sendiri yang telah mendidikku, oleh kerana itulah
aku mendapat pendidikan yang aling sempurna"*

Menurut Al-Qardawi, dalam Ahnad Mohd Salleh lagi, pendidikan Islam sebagai pendidikan bagi keseluruhan hidup termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, akhlak dan tingkah laku. Ini adalah kerana tujuannya ialah untuk menyediakan manusia bagi menghadapi hidup dalam situasi yang pelbagai.

Manakala menurut Ghazali Basri (1984), pendidikan atau '*al-tarbiyah*' pula dalam erti yang sebenarnya adalah luas, seluas makna tujuan alam ini dijadikan oleh penciptanya. Istilah '*tarbiyah*' yang berasal dari perkataan '*rabb*' memberi dua konotasi:

- i) Tuhan.
- ii) Yang mendidik alam ini (makhluk).

Dalam konteks ilmu pendidikan, Ghazali menjelaskan bahawa manusialah yang terlibat secara langsung. Diantara status dan tugas manusia itu dijadikan oleh Allah ialah sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Dalam surah al-Baqarah : 30;

وَإِنْ قَالُوكَلِيلٌ كَمَا أَنْ جَاءَكُمْ
فِي الْأَرْضِ مَهْدِيَّةً

(*Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat,
"sesungguhnya Aku telah menjadikan seorang khalifah di
bumi ini"*)

Dalam erti kata lain pengertian pendidikan menurut Islam adalah penghayatan manusia untuk melaksanakan tugasnya sebagai khalifah Allah dalam keadaan manusia itu

tunduk dan patuh kepada perintah Ilahi dan bersesuaian dengan sifatnya sebagai seorang hamba.

Menurut Imam Al-Ghazali dalam Ahamad Mohd Salleh (1997), mengatakan bahawa pendidikan ialah mengeluarkan perangai yang negatif dari dalam diri insan dan menanamkan perangai dan sifat yang baik. Oleh kerana itu proses pendidikan adalah penting bagi merubah sahsiah peribadi manusia menjadi insan berilmu dan berakhlik mulia.

Secara kesimpulannya sebagaimana menurut Mohd Yusuf Ahmad (1998), pendidikan itu sesuatu yang bersifat dalaman iaitu untuk membentuk peribadi manusia yang baik. Seterusnya peribadi insan yang sememangnya baik itu akan menjadi lebih baik lagi. Inilah maksud pendidikan menurut Islam sebagai membina seluruh potensi yang ada pada manusia boleh berfungsi sebagai khalifah dan hamba Tuhan yang salih.

Muhammad Fadhil al-Junaidi (1967) menjelaskan pula pendidikan membawa maksud menjaga dan memelihara sifat-sifat semulajadi atau fitrah anak-anak yang baik. Seterusnya memupuk bakat dan kebolehan dengan dorongan secara beransur-ansur, agar ia dapat terus berkembang dengan baik, sesuai dengan alam remaja yang bakal ditempuhinya.

Manakala menurut Muhammad M.Benomran (1983), seorang pengkaji bidang pendidikan, menjelaskan juga bahawa pendidikan ialah proses belajar dan mengajar yang melibatkan empat faktor;

- a) guru (al-mualim).
- b) Pelajar
- c) Kurikulum atau subjek.
- d) Tempat atau situasi belajar.

Falsafah pendidikan berfungsi sebagai menilai pendidikan, menyelaras dan menganalisa permasalahan dan isunya dalam kehidupan. Di mana ia merangkumi pemahaman tentang istilah yang berbeza dalam pendidikan serta menentukan perkara pokok yang ada hubungan dengan lapangan lain dalam hidup manusia. Haron Din dan Sobri Solomon. (1988)

Turki Rabib dalam Ahmad Mohd Salleh (1997) menjelaskan falsafah pendidikan Islam dibina berdasarkan kepada empat cirri utama iaitu;

- Iman yang teguh kepada Allah dan RasulNya, malaikat, syurga, neraka dan sebagainya.
- Akhlak yang baik dan mulia.
- Berilmu dalam erti yang menyeluruh.
- Amal salih di dunia dan di akhirat.

Firman Allah; (Yunus:9)

” اَنَّ الَّذِينَ امْسَأَلُوا وَعَمِلُوا الْحَسَنَاتِ بِهِمْ
رَبُّهُمْ بَارِئٌ لَّهُمْ - جَنَّةٌ مَّا شَاءُوا
الَّذِينَ فِي هَذِهِ النَّعْمَـا ”

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih, mereka dibimbing oleh Tuhan kerana keimanannya, di bawah mereka mengalir sungai-sungai di dalam syurga yang penuh kenikmatan”.

Oleh itu falsafah pendidikan dalam Islam berusaha melahirkan individu yang salih, seterusnya warganegara yang seimbang dari segi rohani dan kebendaan.

2.1. 3 Falsafah Pendidikan Menurut Al-Ghazali.

Konsep belajar dan mengajar tidak dapat dipisahkan dalam pendidikan. Jelas di sini bahawa apabila disebut mengajar ialah guru, manakala belajar ialah proses dalam pendidikan itu sendiri. Guru berperanan dalam mengarahkan fizikal dan potensi seseorang. Belajar pula merupakan tingkahlaku yang mana iaanya dipimpin oleh orang lain, dalam usaha memperkembangkan potensi dalam diri individu tersebut. Dalam erti kata lain, mengajar (guru) membimbing orang lain belajar, manakala belajar pula ialah proses yang sengaja dilakukan oleh orang yang belajar. Melalui proses pendidikan juga, perlunya pelajar dibimbing oleh guru bagi menekankan hakikat proses mengajar dan belajar.

Al-Ghazali menekankan kepentingan proses mengajar dan belajar ini sebagaimana ikhlasnya usaha seseorang pelajar untuk belajar dan keperolehan ilmu pengetahuan yang mendalam dan luas dalam diri pengajar atau guru seperti tingginya faedah dengan melakukan amai kebijakan kepada umat manusia.

Menerusi proses penyoalan (sesi soal-jawab) pelajar sebagai contoh, mereka sebenarnya berkehendakan sebauku maklumat yang baru dengan bantuan gurunya yang seharusnya lebih arif dan berpengalaman. Sesi soal-jawab ini menghasilkan 3 perkara yang berfaedah. Muhammad M.Benomran (1983):

- i) pelajar dapat meyelesaikan kekeliruan yang wujud dalam minda mereka, di samping menambah pengetahuan dan kesedaran.
- ii) jawapan yang diterima itu akan dapat memuaskan pelajar kerana dengan jawapan tersebut ia dapat meluaskan serta menambah pengetahuan guru itu juga.

- iii) Membolehkan pelajar lain yang turut serta dalam sesi tersebut menambah pengetahuan mereka.

Sehubungan dengan itu menurut Al-Ghazali lagi konsep ‘beri dan terima’ (*give and take*) di antara pengajar dan pelajar mempunyai dua tujuan utama iaitu menjadikan kehidupan dunia ini aman dan mendapat faedah di akhirat kelak. Al-Ghazzali berpendapat Allah memberkati setiap individu yang mana perasaan, perkataan, keikhlasan tingkahlaku ataupun apa sahaja yang menuju ke arah keikhlasan mengajar dan belajar.

Al-Ghazali menjelaskan juga pendidikan merupakan proses bagi melatih akal, jasmani dan moral individu agar menjadi manusia yang berguna di dunia dan akhirat.

Menurut Abdul Halim El-Muhammadi (1991), berdasarkan ajaran Islam pendidikan adalah proses mendidik dan melatih akal, jasmani dan rohani insan berdasarkan nilai-nilai Islamiyyah yang bersumberkan wahyu, iaitu al-Quran dan al-Sunnah bagi melahirkan individu yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah. s.w.t. Pendidikan Islam dalam KBSM di Malaysia juga memberi penekanan dan penempuan sepenuhnya terhadap diri pelajar kepada pengukuhan akidah Islamiah, pemahaman sifat-sifat dan cara hidup serta asuhan budi pekerti dan akhlak yang mulia. Zawawi Hj Ahmad (1990).

Menyedari hakikat ini pendidikan Islam KBSM berusaha untuk mendedahkan pelajar kepada pendidikan secara menyeluruh terhadap cara hidup harian seorang muslim, di samping menekankan penghayatan dan amalan. Melalui pendekatan nilai-nilai

murni dalam mata-mata pelajaran lain supaya wujud kesepaduan dari ilmu-ilmu fardhu kifayah dan pendidikan Islam, matlamat dan falsafah Pendidikan dalam Islam untuk melahirkan pelajar dan seterusnya masyarakat yang harmonis, seimbang dan bertaqwa akan tercapai.

2.1.4 Kesimpulan Definisi Pendidikan.

Berdasarkanuraian di atas, definisi pendidikan menurut Al-Ghazali dapat dikategorikan seperti berikut;

- a) Proses pendidikan itu sendiri dapat membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat.
- b) Lahirnya anak didik atau pelajar yang dibimbing oleh pendidik secara sengaja atau sedar.
- c) Pendidikan juga merupakan proses yang dilalui oleh pelajar itu sendiri.
- d) Pendidikan menurut Islam adalah berdasarkan sumber rujukan hidup umat Islam iaitu al-Quran dan al-sunnah.

2.2 Matlamat Pendidikan Menurut Al-Ghazali.

Walau apa bentuk pendidikan itu, sebagaimana menurut . Wan Zahid (1982), ia bermatlamatkan untuk menyediakan “ warganegara yang baik”. Lahirnya insan atau warganegara yang baik ini adalah berdasarkan falsafah hidup, tanahair, bangsa dan sebagainya. Seperti juga yang ditekankan oleh Peters (1966), pendidikan mempunyai implikasi bahawa pelbagai perkara yang berfaedah dan memberi manfaat kepada pelajar sedang dan telah disampaikan. Oleh itu adalah bertentangan jika dikatakan jika seseorang itu telah dididik namun masih tidak berubah menjadi insan baik.

Tujuan pendidikan dalam Islam juga untuk mencapai matlamat yang lebih luas dan syumul dari sekadar menyediakan warganegara yang baik. Oleh itu perkataan terdidik

adalah lebih umum dan menyeluruh atau komprehensif selain usaha-usaha ‘mengajar’, memberi arahan’ atau melatih. Oleh itu istilah pendidikan merangkumi lebih banyak perkara atau mengambil kira pelbagai perkara lain. Seperti kata Wilson (1979);

*“We have our eye on a wider range of goods: but not on
the goods of anybody in particular”*

hal 23

Oleh itu sesuatu pengajaran dan pembelajaran dianggap telah tercapai adalah bergantung kepada niat dan sama ada ia telah berhasil. Secara umumnya di sini pendidikan membawa implikasi bahawa sesuatu yang berfaedah telah disampaikan dengan sengaja dan boleh diterima secara moralnya.

Menurut Al-Ghazali matlamat pendidikan yang unggul ialah keselarasan dengan objektif kejadian manusia iaitu penguasaan ilmu tentang Allah. Ilmu tersebut meliputi ilmu tentang pencipta dan ciptaan termasuk alam semesta, roh, perkara yang berlaku selepas mati dan sebagainya.

Konsep pendidikan dalam Islam bermaksud proses pendidikan yang berdasarkan ajaran Islam, yang bersumberkan panduan Al-Quran dan al-sunnah seterusnya sumber-sumber lain yang diperjelaskan oleh ulama’ muktabar. Penguasaan ilmu tentang Allah akan menjadikan seseorang hamba tersebut semakin hampir dengan Allah, kerana penghampiran diri kepada Allah akan mustahil terjadi melainkan melalui ilmunya juga.

Seterusnya matlamat pendidikan itu sebagai menimba ilmu pengetahuan untuk memperoleh kefahaman berkaitan ilmu-ilmu yang memandu ke arah perilaku yang baik dan mulia. Peranan pendidikan di Malaysia juga yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara adalah menekankan pembentukan generasi muda yang dapat menyumbangkan bakti dalam perkembangan ekonomi, social, kebudayaan dan politik.

Oleh itu matlamat pendidikan negara sebagai usaha untuk melahirkan wargenegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Sejak zaman berzaman Islam menekankan bahawa perkara akhlak adalah intipati kepada pendidikan Islam dan untuk membentuk akhlak yang sempurna adalah tujuan utama pendidikan yang sebenar. Hamid Fahmy Zarkasyi (1990).

Sehubungan dengan itu pendidikan disifatkan sebagai proses untuk mendapat ilmu untuk menjurus kepada perkembangan personaliti murid. Ini adalah keraan peranan pendidikan bagi membolehkan murid-murid membuat penilaian di antara perkara yang baik ataupun sebaliknya. Di samping itu pendidikan membawa maksud juga bukan sahaja melihat perkembangan dalam diri seseorang tetapi juga melibatkan perkembangan pengetahuan dan pemahaman. Hirst & Peters (1970).

"Whatever else an educated person is, he is one who has some understanding of something. He is not just a person who has know-how or knack. There is also the suggestion that this understanding should not be too narrowly specialized"

Al-Ghazali berpendapat pendidikan secara umumnya sesuai dengan tujuan-tujuan pendidikan Islam iaitu tujuan agama dan akhlak. Corak pemikiran beliau yang tidak melupakan urusan dunia iaitu meresapkannya dalam wadah pendidikan. Al-Ghazali seterusnya menganggap persiapan bagi urusan dunia untuk mencapai kebahagiaan dunia, yang mana seterusnya sebagai wasilah untuk mendapatkan kebahagiaan di akhirat yang lebih utama dan kekal. Al-Kilani (1985)

Al-Ghazali (1985), seterusnya menjelaskan perhubungan di antara tujuan mencari ilmu ilmu dengan kebaikan personaliti, sebagaimana yang terdapat dalam karyanya "Aiyuhal Walad"

"sekiranya tujuan anda mencari ilmu adalah untuk mendapatkan kemuliaan di dunia, bermegah di dunia, untuk mendapat tempat, untuk merasa sompong kepada rakan, maka rugilah anda. Tetapi sekiranya tujuan anda mencari ilmu itu untuk mendalami syariat yang diturunkan melalui nabi dan untuk pembersihan diri (nafsul Imarah) anda akan dirahmati"

Kecenderungan penulisan Al-Ghazali mengenai pendidikan yang lebih mirip kepada pendapat yang berbentuk kerohanian adalah bersesuaian kerana beliau juga dianggap sebagai ahli tasawuf. Sebagaimana beliau menjelaskan, manusia mendapat keutamaan melalui ilmu untuk mencapai satu tahap kesempurnaan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

2.3 Kelebihan Ilmu Pengetahuan

Perkataan ilmu (علم) berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud pengetahuan dan kajian berkenaan dengan sesuatu perkara. Muhammad Idris (1986). Menurut beliau lagi pengetahuan itu dianggap sebagai ilmu yang tidak menerima keraguan atau syak.

Pengertian ilmu menurut Gong Fu Xi dalam Mahyudin Hj Yahya (1998),

"Apabila kamu mengetahui sesuatu, menyakinkan yang kamu sudah tahu, dan apabila kamu tidak mengetahui sesuatu, menunjukkan yang kamu tidak tahu".

m.s 325.

Plato pula menakrifkan ilmu sebagai,

"As a kind of conversion of the soul from darkness to light"

m.s 325

Kedua-dua ungkapan ini menjelaskan bahawa ilmu merupakan satu kebenaran yang menyakinkan. Ilmu juga dianggap sebagai sebahai pemindah roh atau jiwa dari kegelapan kepada kecerahan. Ia merupakan sifat sebenar yang didapati melalui idea atau bentuknya yang akal. Pengertian ilmu yang diberikan oleh Syed Naquib Al-Attas sebagai;

"Satu kebenaran yang sampai ke dalam roh atau menerusi roh atau jiwa manusia".

m.s 325

Takrif yang diberikan oleh Syed Naquib Al-Attas menjelaskan bahawa ilmu juga diutarakan sebagai cahaya (*nur*) yang dianugerahkan Allah s.w.t ke dalam hati sanubari sesiapa yang dikehendakiNya atau disebut ilmu '*ibn al-marifat*'. Marifat ialah pengetahuan umum yang diperolehi menerusi pancaindera dan deria semata-mata (*empiricis*). Selagi mana ia dipanggil ilmu, ia adalah bersifat unggul kerana matlamatnya untuk mencapai kebenaran. Ilmu yang unggul tidak mengingkari kekuasaan Allah s.w.t. Mahyudin Hj Yahya (1988).

Oleh sebab itulah Al-Ghazali ilmu seharusnya sesuatu objek yang tidak dapat diragui (*ilm al-yaqin*) dan tiada kemungkinan berlaku kepalsuan dan penipuan yang terlintas di hati. Hamid Fahmy (1990).

Secara umumnya ilmu dapat dijelaskan tentang hakikat sesuatu dan mengetahuinya secara mendalam, yang dapat difahami dengan yakin dan baik. Dalam Islam ilmu itu meliputi ilmu Al-Quran, ilmu Al-Hadith, ilmu tauhid, ilmu kedoktoran, biologi dan sebagainya.

Berdasarkan Al-Quran dan al-Hadith, Al-Ghazali (1985), telah memperoleh bukti dengan menggunakan contoh-contoh di dalamnya untuk menjelaskan lagi kelebihan ilmu pengetahuan. Beliau telah menekankan tiga perkara pokok sebagai asas pendidikan. Di antaranya ialah;

- i) Tentang kelebihan ilmu.
- ii) Tentang penjenisan ilmu dan asas kurikulumnya.
- iii) Disiplin guru dan murid

Dalam surah al-Imran : 18

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ
وَأَوْلُوا الْعِلْمَ قَاتِلًا لِقَسْطَلٍ لِلَّهُ لَا إِلَهَ
إِلَّا هُوَ
الْحَرَبُ الْحَكِيمُ

"Allah menyatakan bahawa tidak ada tuhan melainkan Dia, yang menegakkan keadilan, para malaikat, dan orang yang berilmu (juga yang menyatakan demikian itu) tiada tuhan melainkan Dia yang maha berkuasa lagi bijaksana."

Maksud daripada ayat ini menjelaskan akan kedudukan orang yang berilmu pengetahuan, akan mendapat martabat yang tinggi di sisi Allah s.w.t. disebut juga dalam sebuah hadith tentang kelebihan ilmu pengetahuan adalah seperti berikut;

"kelebihan ahli ilmu di atas ahli ibadah seperti kelebihan bulan di atas seluruh dan seluas cakera wala dunia ini".

Al-Tarmidzi, Abi Isa Muhammad (1975).

Dalam surah al-Qasas : 80;

وَقَالَ اللَّهُمَّ أَوْتُوا الْعِلْمَ وَيَلِكُمْ تَوَابَ اللَّهِ
خَيْرُ لِمَنْ ءاْمَنَ وَعَمَلَ صَلِحًا وَلَا
يَلْفَتُهَا إِلَّا الْمُبْرُونَ

"Dan berkata pula orang yang diberi ilmu (di antara mereka), janganlah kamu berkata demikian, pahala daripada Allah lebih baik bagi orang yang beriman dan beramal salih, dan tidak akan dapat menerima pahala yang demikian itu melainkan orang-orang yang sabar"

Imam Al-Ghazali juga memetik hadis daripada Rasullullah s.a.w yang menunjukkan kecemerlangan orang yang berilmu dan para cendekiawan, Afzalur Rahman (1995);

"Iman itu tidak mempunyai pakaian dan pakaian iman itu ialah taqwa kepada Allah s.w.t, perhiasannya ialah sifat malu dan buahnya ialah ilmu"

Daripada ayat al-Quran dan al-Hadith di atas jelaslah pandangan imam Al-Ghazali tentang kedudukan orang yang berilmu, iaitu dianggap insan yang mulia dan sejati.

2.3.1 Keutamaan Belajar.

Berdasarkan ajaran Islam, keutamaan belajar dapat dilihat pada ayat pertama yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w, iaitu dalam surah Al-Alaq : 1 –4;

أَفَلَا يَأْتِي بِكُمْ رَبُّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مَنْ خَلَقَ النَّاسَنَ
مِنْ عَلَقٍ أَفَلَا يَرَى إِلَهَكُمْ إِلَهٌ أُكْرَمٌ مَنْ يَعْلَمُ
بِالْقُلُوبِ

"Bacalah wahai Muhammad dengan nama Tuhanmu yang mencipta sekalian makhluk. Ia menciptakan insane dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu yang maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan"

Hakikatnya sehingga kini menuntut ilmu atau melalui proses pembelajaran itu suatu keutamaan dan saranan terbaik untuk mencerdaskan manusia dan pembangunan masyarakat seterusnya. Kemajuan sahsiah diri dan kejayaan masyarakat dalam ruang lingkup kehidupan ini tidak akan terhasil jika ilmu yang dipelajari tidak diamalkan.

Dalam bukunya Ihya Ulumuddin , Al-Ghazali menekankan bahawa setiap ilmu itu hendaklah disertai dengan amal. Ini adalah kerana ilmu pengetahuan adalah proses mencari, berusaha dan menghasilkan sesuatu, maka itulah yang dinamakan ilmu dan amal.

Al-Ghazali telah memetik beberapa ayat dan hadith yang menunjukkan keutamaan belajar. Di antaranya dalam surah al-Taubah : 122;

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لَيَنْفِرُوا كُلَّا
فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ
لَيَنْفِرُوا فِي الدِّينِ

"Mengapa tidak ada sekolompokpun dari setiap golongan mereka itu berangkat untuk menambah ilmu pengetahuan yang ada"

Manakala Allah berfirman;

وَمَا أَرَيْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ
فَسُئَلُوا هَلَذِكَ أَنْ كُنُّوا لَا يَعْلَمُونَ

"Maka bertanyalah kepada mereka yang berilmu sekiranya kamu tidak mengetahui"

surah al-Nahl : 43.

Surah al-Nahl di atas menjelaskan sekiranya ada di kalangan umat manusia yang tidak mengetahui tentang sesuatu masalah, mereka seharusnya merujuk kepada sesiapa sahaja yang arif tentang perkara tersebut. Melalui cara itu diharap agar orang yang menuntut ilmu itu tidak akan terus tersesat.

Sabda Rasulullah s.a.w dalam Abu Daud (1952),

مَنْ سَأَلَ حَدِيقَاً يُطْلَبُ فِيهِ عِلْمٌ
سَأَلَ اللَّهَ بِحَدِيقَةٍ لَمْ يُجِدْهُ

"Barangsiapa menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu pengetahuan, maka Allah s.w.t akan melorongkan baginya jalan kesyurga".

Ibn Masud pula menjelaskan dalam Al-Ghazali (1978); "Hendaklah kamu mencari ilmu pengetahuan sebelum ianya terangkat. Dan terangkatnya ilmu pengetahuan itu dengan mationya para ilmuan. Seseorang kamu tidak akan dilahirkan sebagai seorang yang telah pandai, oleh itu ilmu pengetahuan akan dapat dicapai melalui proses pembelajaran sahaja.

Para alim ulama Islam berpendapat bahawa menjadi tanggungjawab kita setiap insan untuk menuntut ilmu sebanyak mungkin serta menyebarkannya. Sekiranya ini berlaku maka kejahilan merupakan penyakit dan faktor utama kemunduran manusia sejagat. Al-Ghazali (1978) menjelaskan lagi bahawa para ulama Islam berpendapat melalui pendidikanlah zaman kegemilangan Islam akan kembali suatu hari nanti.

2.3.2 Keutamaan Mengajar.

Pendidikan merupakan proses bimbingan secara sengaja yang dicurahkan oleh setiap pendidik kepada pelajarnya, baik dari aspek rohani maupun jasmani untuk membentuk peribadi yang baik. Golongan pendidiklah yang menjalankan tugas ikhtisas sebagai pendidik, seterusnya sebagai pemimpin. Sebagaimana menurut A. Sadali (1987), pendidik di anggap sebagai pencorak masa depan dan untung nasib sesuatu bangsa, selama mana mereka menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas.

Dalam erti kata lain, pendidik sebagai penganjur seharusnya mempunyai kelebihan tertentu memandangkan tugas mereka yang berat dalam menjalankan amanah atau lebih tepat digelar sebagai pewaris tugas-tugas nabi.

Imam Al-Ghazali menggambarkan bahawa ilmu dan ulama itu sebagai;

" Sesiapa sahaja yang berilmu dan mangamalkan apa yang diketahui maka ia dianggap agung dalam kerajaan langit; seperti matahari yang menyinari benda lain, sedang ia sendiri memang bersinar atau haruman yang berbau harum, sedangkan ia sendiri berbau harum. Sesiapa sahaj bekerja sebagai guru, maka ia memegang peranan yang besar dan penting. Oleh sebab itu kamu hendaklah memelihara peranan dan fungsinya".

Al-Ghazali juga telah menerangkan akan keutamaan mengajar sebagaimana yang terdapat dalam surah al-taubah : 122;

وَلِيَنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ
لَعَلَّهُمْ يَذَرُونَ

"Hendaklah kamu memberikan peringatan kepada kaum mereka, apabila telah kembali kepada mereka nanti.moga-moga mereka berhati-hati"

Manakala dalam surah al-Imran : 187 yang berbunyi;

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِنْ قَوْمٍ مِّنْ أُولَئِكَ الْكَٰبِتِ
لَتَبَيَّنَهُ لِلنَّاسِ وَلَا يَكُونُونَ فِي ذُو
وَرَأْيٍ مُّظْهَرٍ لَهُمْ وَانْتَرُوا مَعَهُ

"Dan di waktu Allah mengambil janji orang-orang yang diberikan oleh ahli kitab; iaitu hendaklah kamu sekalian menerangkan perkara-perkara yang tersebut di dalam kitab itu dan jangan sampai kamu menyembunyikannya."

Ayat di atas menjelaskan kewajipan orang-orang yang berilmu agar menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat untuk meningkatkan martabat pemikiran mereka seterusnya mencapai kegemilangan generasi akan datang. Allah s.w.t juga menegaskan bahwa adalah haram kepada manusia yang menyembunyikan ilmu pengetahuan sebagaimana dihukumkan haram kepada orang yang menyembunyikan penyaksian.

Penjelasan Allah s.w.t ini dapat dilihat dalam surah al-Baqarah : 146 ;

وَإِنْ فِرِيقًا مِّنْهُمْ لَيَكْفُرُوا بِهِ وَلَا يَعْلَمُونَ .

“Ada sebahagian dari mereka yang menyembunyikan kebenaran, sedangkan mereka itu mengetahui hukumnya”.

Pendidik juga dianggap sebagai pelaksana tugas khalifah Allah s.w.t dari aspek menyalurkan khazanah ilmu Allah yang diperolehi oleh mereka. Sebagaimana menurut Yusuf Zaki (1978), ilmu yang baik dianggap sebagai khazanah Allah yang paling berharga. Oleh itu guru-guru yang membelanjakan ilmu Allah kepada setiap yang memerlukannya diangkat tinggi martabatnya di sisi Allah.

2.4 Pembahagian Ilmu Pengetahuan.

Al-Ghazali mengalami pelbagai peringkat masa dan zaman yang mempengaruhi perkembangan beliau. Keadaan ini telah mempengaruhi pembahagian pengetahuannya yang dibuatnya, yang menggambarkan peringkat kematangan pemikiran beliau. Pembahagian ilmu pengetahuan sebagaimana menurut Al-Ghazali adalah seperti berikut;

- Peringkat pertama adalah apabila beliau merujuk kepada ahli falsafah dalam pembahagian ilmu pengetahuan. Sebagaimana yang terdapat dalam bukunya *“Maqasid al-Falahifah”* dan *“Maarij al-Salikin”* yang membahagikan ilmu pengetahuan kepada *mukasyafah* dan *muamalah*.
- Peringkat kedua adalah ketika beliau mengkaji jiwa dan sifat-sifatnya. Hasan Langgulung (1992), menyatakan dalam buku *Ihya’ Ulumuddinya* jelas mencerminkan peringkat kematangan pemikiran beliau dan kecenderungan mengadakan sintesis dan penyelarasian antara pelbagai aliran.

2.4.1 Peringkat pertama.

Ilmu Mukasyafah.

Ilmu *mukasyafah* adalah ilmu batin atau ilmu nurani. Inilah ilmu para *siddiqin* dan para *muqarrabin*. Ilmu *mukasyafah* dianggap sebagai satu *nur* (cahaya) yang terpancar dalam hati nurani manusia, apabila hati tersebut suci dan bersih dari segala sifat-sifatnya yang keji. Nur inilah yang menerangkan pintu hati seseorang hingga mencapai marifat sebenar terhadap zat Allah, sifat-sifatnya yang sempurna.

Menurut Al-Ghazali dalam *Ihya Ulumuddun* (Jil 1) para sahabat dan ahli ulama menjelaskan keutamaan mengajar sebagaimana Al-Hassan r.a berkata;

“ Jika tiada ahli-ahli ilmu (ulama), tentulah orang ramai menjadi seperti haiwan”.

Dalam erti kata lain, peranan ulama atau pendidiklah yang mampu menjadikan orang ramai dari tahap kehaiwanan kepada tahap kemanusiaan.

Bukti-bukti aqliah yang menunjukkan kelebihan ilmu pengetahuan ialah jika kita melihat kepada ilmu itu sendiri, kita akan mendapati ilmu itu sendiri merupakan satu kenikmata dan kelazatan. Maka kerana itulah ia mesti dituntut. Sehubungan dengan itu, peranan guru ialah berusaha untuk membentuk hati manusia untuk menjadi insan baik dan sentiasa bertaqwah kepada Tuhan. Ia juga merupakan satu aspek ubbudiah kepada Tuhan dan menyambung tugas para anmbia terdahulu.

Melalui ilmu-*mukasyafah* manusia akan mudah memahami pengertian yang sebenar dengan jelas tanpa ragu-ragu lagi. Ianya boleh dicapai oleh manusia jika hati nuraninya tidak dipenuhi dengan perkara-perkara yang keji ataupun negatif.

Ilmu *muamalah*.

Ilmu *muamalah* ialah ilmu yang berkaitan sifat-sifat hati dan nurani manusia. Sifat-sifat hati yang baik dan terpuji ialah seperti sabar, syukur, takut kepada Allah, redha kepada segala qada dan qadar Allah s.w.t, murah hati dan sebagainya. Manakala sebaliknya sifat-sifat yang negatif ialah, takut kepada kemiskinan, sentiasa menyalahkan takdir, dengki, suka dipuji, suka mencari kelemahan orang lain khianat dan sebagainya. Sifat-sifat seperti inilah jika diamalkan oleh manusia akan menimbulkan kerosakan di muka bumi ini.

2.4.2 Peringkat Kedua

- Ilmu Syariah

Merupakan ilmu yang diperolehi daripada nabi-nabi. Ianya tidak diperolehi daripada akal atau sebarang eksperimen atau sebagainya. Semua ilmu syariah adalah lebih sahih (tepat). Secara ringkasnya ia mengandungi 4 unsur;

- i) Bersumberkan al-Quran, al-hadis, pendapat ulama dan para sahabat nabi.
- ii) Cabang hukum (‘furu’), diambil dari sumber empat tadi. Tetapi terbahagi kepada dua bahagian iaitu ilmu yang berhubung dengan aktiviti dunia dan akhirat.
- iii) Ilmu alat (‘muqaddimat’) iaitu alat untuk mengkaji ilmu syariah seperti ilmu linguistik dan ilmu nahu. Ilmu ini penting untuk mengkaji ilmu al-Quran dan al-Hadis.
- iv) Ilmu tambahan iaitu (‘mutammimat’) iaitu ilmu yang berkaitan dengan al-Quran seperti nasakh dan mansuh, perinsip perundangan Islam dan sunnah.

b) Ilmu aqliyah.

Ilmu aqliyah atau ilmu keduniaan. Bahagian ilmu ini terbahagi kepada 3 bahagian;

- i) Mahmudah iaitu ilmu mengenai kegiatan kehidupan manusia yang menjurus kearah kebaikan seperti ilmu hisab, ilmu perubatan dan sebagainya.
- ii) Mahdzum iaitu ilmu yang tidak boleh dituntut, seperti ilmu sihir, ilmu silap mata dan sebagainya.
- iii) Mubah ialah ilmu yang harus dipelajari seperti ilmu kesusasteraan, sejarah dan sebagainya.

c) Ilmu Akhirat

Ilmu akhirat terbahagi kepada dua;

i) ilmu berkenaan dengan wahyu.

Ilmu ini bersifat esoteric (ilmu khas untuk kumpulan tertentu). Ianya menjadi matlamat kepada semua ilmu memandangkan ianya mementingkan perkara-perkara berkenaan dengan keredhaan Allah s.w.t

ii) Ilmu *awaliyun*.

Ilmu ini disifatkan sebagai ilmu yang mengarahkan manusia kepada wahyu. Ilmu ini merangkumi ilmu zahir iaitu ilmu yang bersangkutan dengan fungsi pancaindera seperti aktiviti pengabdian kepada Allah. Ia juga lebih dikenali sebagai ilmu adat dan ibadat.

Menurut Yusuf Zaki (1978), ilmu akhirat merupakan ilmu *fardhu 'ain* dalam pandangan ulama. Orang yang mengeneplikan ilmu ini akan mendapat balasan yang setimpal di akhirat kelak.